

Supaya unsur2 terpuji dapat disemai

# Pendidikan perlu ditransformasi: PM

**DATUK Seri Dr Mahathir berkata, sistem pendidikan negara perlu diubah semula untuk memperbaiki kelemahannya supaya nilai-nilai yang sesuai dapat disemai dalam masyarakat dari generasi ke generasi.**

Perdana Menteri berkata, konsep pendidikan sempit yang meminggalkan fakta semata-mata tanpa memperseimbangkan dengan unsur-unsur sejarah dan kebudayaan serta aspirasi negara tidak mungkin dapat melahirkan satu persekitaran pendidikan yang boleh mewujudkan masyarakat yang menghormati nasionalisme.

Apa yang perlu, tegas beliau ialah "Penyusunan yang seimbang antara pendidikan sains, teknologi, kemasyarakatan dan moral yang berorientasikan aspirasi-aspirasi kita sendiri."

"Kita harus mengambil apa-apa yang baik yang ada pada kita dan dari luar. Kita harus menolak apa yang buruk dari luar dan mengikis

## TANJUNG MALIM, Isnin

yang buruk yang ada pada kita," lambungnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengesakan demikian ketika merasmikan Konvensyen Pendidikan Ke-8 yang bertajuk "Pendidikan dan Nasionalisme" anjuran Peratuan Suluh Budiman di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar Perak, Enck Ramlil Ngah Tullu, Menteri Pelajaran, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud dan kedua-dua Timbalan Menteri, Datuk Khaw Ill Yaakub dan Dr Tan Tiong Hong.

## Falsafah

Perdana Menteri berkata, pendidikan moden yang berteraskan falsafah dan sistem pendidikan barat biasanya lebih memihak-mihak kepada pengajaran dan meningkatkan penguasaan di samping memberi keutamaan kepada kepentingan individu dari kepentingan umum.

Seseorang yang lahir dari sistem pendidikan moden, katanya akan dididik mengikut acuan-acuan tertentu seperti menjadi pakar ekonomi, ahli sejarah, sains, agama dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan tidak dapat menyediakan satu pengalaman menyeluruh yang dapat mendidik seseorang sebagai anggota masyarakat yang sempurna dan lengkap, kata beliau lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian menyarankan supaya dicari satu jalan yang paling sesuai dan berkesan bagi mengadakan persekitaran pendidikan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang menjadi rungutan pelbagai pihak.

"Ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dieaksanakan, kecuali bagi mereka yang sayik dengan khayalan mereka," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, pendidikan adalah satu proses mengumpul pengalaman dan menghayati nilai-nilai hidup dari persekitaran yang luas.

"Soal sama ada kita dapat menyemai nilai-nilai kebangsaan atau nasionalisme menyeluruh yang kita hasratkan, memerlukan interaksi pendidikan formal dan tidak formal yang menekankan bukan sahaja terhadap ilmu pengetahuan tetapi kepada penerangan dan keinsafan," tambahnya.

Bellau berkata, nasionalisme yang diperlukan bukan konsep yang sempit, tetapi penyerapan nilai-nilai yang menyeluruh membolehkan kita menyempurnakan tujuan hidup yang bahagia bagi menjamin kewibawaan sebagai bangsa dan negara yang bermaruah dan berdaulat dengan tidak melupakan kebahagiaan kita di akhirat.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan perlunya ciri-ciri nasionalisme diterapkan melalui cara-cara yang berkesan ke dalam masyarakat. "Pendidikan sudah tentu menjadi saluran yang terpenting bagi penyerapan nilai-nilai itu," katanya lagi.

Bellau kekal dengan sikap setengah pihak yang menolak bulat-bulat bahawa nasionalisme itu sebagai bukan Islam.

"Kendaa ini telah meragukan sebahagian dari rakyat yang kurang memahami tentang konsep nasionalisme dan perertiannya dengan Islam," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia